

TARIKH	6 / 3 / 2016 2017	SEKSYEN	NEGERA
MUKA SURAT	4	RUANGAN	

Peluang tunai haji akan lebih banyak jika Arab Saudi luluskan permintaan Malaysia

Warga emas diberi keutamaan

PASIR PUTEH – Warga emas yang berumur 70 tahun ke atas dijangka mendapat lebih banyak peluang untuk menunaikan ibadah haji tahun ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, perkara itu mampu dicapai jika kerajaan Arab Saudi meluluskan permintaan Malaysia untuk menambah kuota haji sehingga 30,000 jemaah pada satu-satu musim.

"Tiap-tiap tahun terdapat antara 10 dan 15 peratus jemaah yang telah disahkan untuk melaksanakan haji tetapi menarik diri daripada melakukan ibadah itu.

"Berikutan kekosongan yang wujud, Tabung Haji akan memberi keutamaan kepada warga emas

berumur 70 tahun ke atas untuk memenuhi kuota yang ada," katanya.



ASYRAF WAJDI

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bayaran insentif projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Padi musim utama 2016/2017 Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kemasin-Semerak di sini semalam.

Pada 27 Februari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dilaporkan berkata, Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud memberi respons positif terhadap permintaan Malaysia untuk menambah kuota haji sehingga



KERATAN Kosmo! 28 Februari 2017.

30,000 jemaah.

Perdana Menteri memberitahu, dalam perbincangan dua hala antara kedua-dua negara, Raja Salman yang juga Penjaga Dua Masjid Suci di Mekah dan Madinah memaklumkan bahawa kerajaannya perlu memberi pertimbangan lebih mendalam.

Pada akhir Januari lalu, kuota Jemaah haji Malaysia dilaporkan dikembalikan kepada 27,900 orang tahun ini berbanding 22,230 sebelum ini.

Tabung Haji dalam kenyataannya berkata, kerajaan Arab Saudi mengembalikan kuota berkenaan setelah pengurangan kuota jemaah haji terhadap jemaah asing dikuatkuasakan pada 2013. – Bernama



TABUNG Haji akan beri keutamaan kepada warga emas yang berusia 70 tahun ke atas untuk menunaikan haji. – Gambar hiasan